

THE THOUGHTS OF SYEIKH AHMAD AL-FATANI REGARDING THE SPIRITUAL ASPECTS IN THE KITAB OF ṬAYYIB AL-IḤSĀN FĪ ṬIBB AL-INSĀN

PEMIKIRAN SYEIKH AHMAD AL-FATANI BERKAITAN ASPEK ROHANIAH DALAM KITAB ṬAYYIB AL-IḤSĀN FĪ ṬIBB AL-INSĀN

Kamarul Azuan Shah Mohd Mashutiⁱ, Azri Bhariⁱⁱ & Ashrof Zaki Yaakobⁱⁱⁱ

ⁱ Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM). kamarulazuanshah@gmail.com

ⁱⁱ (Corresponding author). Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM). azrib178@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UITM). ashrof@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 9 January 2024

Revised: 20 March 2024

Accepted: 30 March 2024

| | |
|-----------------|---|
| Abstract | <p><i>The Malay medical knowledge is a discipline that discusses the processes of diagnosing diseases and physical treatments. The practice of Malay medicine has been applied since ancient times. However, in Malay medical practices, there are discussions related to spiritual aspects, although they are rarely talked about. This study focuses on the spiritual aspect of the book "Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān" by Syeikh Ahmad Al Fatani. The study adopts a document analysis method to extract the spiritual aspects of the book, based on sources from the Quran, Hadith, and discussions among scholars. The findings of the study include several spiritual aspects, such as relying on prayers as a source of hope, using guidance from Prophet Muhammad (PBUH), and incorporating experiential elements. The study suggests further research on this book and other manuscripts related to Malay medicine.</i></p> <p>Keywords: <i>Spiritual, Malay, Medicine, Islam, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān.</i></p> |
| Abstrak | <p><i>Ilmu perubatan Melayu merupakan ilmu yang membicarakan tentang proses diagnosis penyakit serta perawatan secara jasmani. Pengamalan ilmu perubatan Melayu sudah di aplikasikan semenjak zaman dahulu lagi. Walaubagaimana pun, dalam amalan perubatan Melayu terdapat perbincangan berkaitan aspek rohaniah. Namun, ia jarang sekali diperbincangkan. Kajian ini memfokuskan aspek rohaniah dalam kitab Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān karya Syeikh Ahmad Al Fatani. Kajian ini mengadaptasi kaedah analisis dokumen bagi mengeluarkan aspek rohaniah terhadap kitab Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān karya Syeikh Ahmad Al-Fatani. Aspek rohaniah yang dikeluarkan berdasarkan sumber al-Quran, hadis dan perbincangan ulama. Hasil dapatan kajian ialah terhadap beberapa aspek rohaniah antaranya sandaran kepada doa sebagai pengharapan, penggunaan petunjuk daripada nabi Muhammad SAW dan unsur tajribah (pengamalan). Kajian ini mencadangkan agar terdapat kajian lanjutan terhadap kitab ini dan manuskrip-manuskrip lain berkaitan perubatan Melayu.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Rohaniah, Perubatan, Melayu, Islam, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān.</i></p> |

PENDAHULUAN

Manuskrip Melayu merupakan salah satu sumber ilmu yang boleh diperolehi dalam kepelbagaian ilmu. Pengkaji serta ulama terdahulu menghasilkan manuskrip-manuskrip sebagai medium lontaran ilmu dalam menyampaikan dakwah atau penyebaran ilmu dalam bentuk penulisan. Ia juga menjadi tunjang utama sebagai sumber rujukan bagi mengetahui ketamadunan dan peradaban masyarakat Melayu merangkumi aspek kebudayaan, ekonomi, pemerintahan dan sebagainya. Manuskrip juga merupakan salah satu sumber premier dalam menilai sesuatu karya ilmiah. Namun begitu, penelitian dan analisis perlulah sentiasa diteruskan tanpa henti ke atas manuskrip-manuskrip yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh ulama terdahulu bagi memartabatkan nilai taraf bangsa Melayu (Siti Nurul Izza et al., 2021).

Konteks kepelbagaian ilmu dalam pelbagai bidang yang cuba diperkasakan oleh tokoh-tokoh atau ilmuwan terdahulu perlu disambut baik oleh generasi kini kerana kehebatan curahan ilmu yang telah diberikan oleh tokoh terdahulu telah terbukti melalui setiap kandungan nukilan ilmu di dalam manuskrip dan kini ianya terbukti melalui kajian yang dijalankan dari semasa ke semasa. Pelbagai bidang dan kemahiran yang telah dipelopori oleh tokoh terdahulu menjadikan setiap ilmu kian berkembang pesat melalui kajian yang berterusan untuk menjadi rujukan dan panduan kehidupan seharian (Muhammad Shafiq Mohd Ali et al., 2020).

Kemahiran tokoh-tokoh dan ulama alam Melayu berkaitan ilmu perubatan merupakan satu perkara yang tidak dapat disangkal berdasarkan pengamalan serta keberkesanan dalam menjadi solusi utama penyembuhan penyakit. Pelbagai pendekatan yang diketengahkan dalam ilmu perubatan Melayu terutamanya elemen sumber alam yang mempunyai seribu satu kelebihan dari setiap sudut khasiat dan zat. Ulama terdahulu juga mengetengahkan elemen flora dan fauna bagi menjadikan keaslian sumber alam sebagai bahan utama dalam perubatan di samping menyelongkar kehebatan dan manfaat setiap tumbuhan yang dijadikan oleh Allah SWT. Ianya terbukti apabila perubatan moden pada hari ini juga ada menggunakan tumbuhan sebagai sumber utama perubatan bagi mendapatkan penawar dan kesembuhan penyakit (Jamalluddin Hashim et al., 2014; Gimlette, 2023).

Syeikh Ahmad al-Fatani telah menukulkan karya agungnya dalam ilmu perubatan Melayu melalui Kitab Perubatan Melayu *Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān* yang membahaskan sepenuhnya berkaitan ilmu perubatan daripada diagnosa penyakit, merawat penyakit, bahan rawatan serta saranan dan nasihat bagi memastikan diri dan masyarakat sentiasa sihat dan sejahtera. Kitab *Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān* juga merupakan kitab yang menggunakan sistem *hasyiah* dengan memberikan penerangan tambahan terhadap sesuatu perkara yang ditulis di bahagian tepi buku. Kaedah sebegini kebiasaan berlaku dalam mana-mana penulisan manuskrip (Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah et al., 2014).

BIOGRAFI SYEIKH AHMAD AL-FATANI

Syeikh Ahmad al-Fatani atau nama lengkapnya ialah Syeikh Ahmad al-Fatani bin Wan Muhammad Zayn al-Abidin bin Wan Mustafa bin Wan Muhammad bin Wan Muhammad Zayn al-Abidin bin Faqih Wan Musa bin Hidir bin Syeikh Wan Ahmad. Beliau di lahirkan pada malam jumaat bersamaan 5 Syaaban 1272 H di Kampung Sena Janjar, Kampung Jambu, Negeri Jerim, Fatani. Beliau telah menghembuskan nafas terakhirnya pada malam Rabu 11 Zulhijjah 1325H bersamaan dengan 14 Januari 1908M di Mina semasa beliau menunaikan haji sunatnya. Makam beliau di tempatkan di tanah perkuburan Ma'la, Mekah. Berdasarkan penulisan surat oleh Syeikh Wan Daud bin Mustafa al-Fatani dan Wan Ismail bin Syeikh Ahmad al-Fatani kepada Tengku Long bin Tengku Ngah menyatakan:

“Dengan sebab sakit mati sebelah badan. Awal kenanya pada 22 Jamadil Akhir. Maka dapat sembuh sedikit. Kemudian bertambah pula selepas puasa enam. Maka ada sehingga sedikit pula, boleh naik haji. Maka tatkala lepas Zuhur hari Raya Haji maka kena pula hingga sampai lepas Maghrib maka lalu habis umurnya.” (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990).

Hal ini menjadi asbab kewafatan beliau berdasarkan petikan yang dinyatakan dalam surat tersebut.

Pada usia 6 tahun, Syeikh Ahmad al-Fatani bersama ayahnya telah ke Mekah dan menetap di sana. Masa ini bermulalah langkah beliau dalam menghafal al-Quran dan pelbagai matan-matan ilmu. Syeikh Ahmad al-Fatani menimba ilmu dengan pelbagai ulama, namun yang dinyatakan pada nukilan Syeikh Abdullah Mirdad hanya seorang iaitu al-Allamah Sayyid Umar al-Shami al-Baqa’i. Syeikh Ahmad al-Fatani mendalami ilmu bersama tuan gurunya dalam pelbagai bentuk ilmu seperti ilmu arabiyah, Usul al-Din, Tafsir, Hadis, Fiqh, Ma’ani, Bayan, Arud dan lain-lain. Beliau mendapat kebenaran mengajar di Masjid al-Haram. Semenjak di Mekah lagi, penguasaan ilmu Syeikh Ahmad al-Fatani sudah terserlah dengan kelebihan menguasai pelbagai bidang keilmuan ilmu, seorang ahli dan pakar dalam ilmu kesusasteraan (syair). Selain itu, beliau juga telah pergi ke bumi Mesir untuk menuntut ilmu dengan beberapa ulama yang terkenal pada zaman itu dan beliau menetap di sana sekitar 7 tahun. Pada masa yang sama beliau merupakan pentashih (pemeriksa) kepada sebuah perpustakaan di Mesir dan akhirnya beliau kembali ke Mekah semula dan bekerja di perpustakaan sebagai pentashih kitab-kitab dalam bahasa Melayu (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990).

Pelbagai gelaran yang masyhur diberikan kepada Syeikh Ahmad al-Fatani antaranya adalah *al-Adib* dan *al-Alim* yang membawa maksud ahli sastera yang sempurnakan pengetahuannya. Seiring dengan gelaran yang diberikan keatasnya, Syeikh Ahmad al-Fatani telah melahirkan banyak karya dalam pelbagai bidang antaranya karya dalam bidang perubatan. Selain daripada kitab *Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān* yang membahaskan berkaitan ilmu perubatan sebagai sumbangannya yang terbesar dalam ilmu perubatan, karya *Hadiqat Al-Azhar* dan *Luqṭah Al-Ajlan* juga menyentuh sedikit tentang ilmu perubatan secara umum (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990).

Kepakaran dan kemahiran Syeikh Ahmad al-Fatani dalam ilmu perubatan sehinggakan beliau dikenali oleh beberapa doktor di Mesir pada zaman itu sehingga terdapat beberapa surat yang dikirim oleh doktor-doktor di Mesir kepada beliau semasa di Mekah. Terdapat beberapa surat itu meminta Syeikh Ahmad al-Fatani berkolaborasi untuk melakukan penelitian terhadap pelbagai jenis ubat yang diperkenalkan pada zaman itu. Kepakaran beliau terbina apabila mendapat pendidikan khusus dalam ilmu kedokteran secara terus melalui seorang doktor iaitu Syeikh Abdur Rahim al-Kabuli yang berasal dari Kabul, Afghanistan (Helwana Mohammad, 2018).

Kitab *Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān* telah dicetak oleh Mathba’ah al-Miriyah al-Kainah Mekah dalam tahun 13H/1895M pada cetakan pertama dan cetakan kedua pada tahun 1332H/1913M. Penulisan kitab ini telah diselesaikan pada 13 Zulhijjah 1312H/1894M selepas empat bulan beliau mengkhataamkan kitab kedokteran yang ditulis dalam bahasa Urdu yang dipelajarinya daripada Syeikh Abdur Rahim al-Kabuli (Fairuzah Mat Salleh, 2019).

MAKLUMAT DATA KITAB ṬAYYIB AL-IḤSĀN FĪ ṬIBB AL-INSĀN KARYA SYEIKH AHMAD AL-FATANI

Kitab *Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān* mempunyai 14 fasal yang dibahagikan melalui pembahagian anggota penyakit agar mudah difahami oleh pembaca secara menyeluruh. Setiap fasal di dalam kitab ini di terangkan secara berperingkat melalui pengenalan, bahagian anggota, jenis penyakit, punca berlakunya penyakit, kaedah merawat penyakit

serta saranan tambahan turut di sediakan di setiap akhir kupasan fasal. Di bawah adalah fasal-fasal berikut:

| 14 Fasal | RINGKASAN KANDUNGAN |
|----------|---|
| Fasal 1 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Barang yang Jadi Segala Penyakit Daripadanya Dan Barang yang Bergantung dengan Demikian Itu” • Fasal ini menerangkan tentang punca terjadinya sesuatu penyakit. • Diagnos penyakit melalui 4 unsur cecair dalam badan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Safra’ (Hempedu) 2. Sawda’ (Keladak Darah) 3. Kabd (Hati) 4. Balgham (Kahak) |
| Fasal 2 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Beberapa Bagai Nadi Dan Barang yang Menunjukkan Ia Atasnya” • Fasal ini menerangkan tentang bacaan denyutan nadi yang terbahagi kepada 4 jenis bacaan iaitu : <ol style="list-style-type: none"> 1. Halus & Laju 2. Halus & Lambat 3. Kasar & Lambat 4. Sederhana Kasar & Sederhana Laju & Lambat |
| Fasal 3 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Qarurah Ertinya Pada Warna Air Kencing Dan Barang yang Menunjuk Ia Atasnya” • Fasal ini menerangkan tentang diagnos penyakit melalui warna air kencing seperti : <ol style="list-style-type: none"> 1. Jernih 2. Jernih Halus 3. Halus 4. Kuning Jernih 5. Kuning Pertengahan 6. Kelabu • Penyebab air kencing berbau busuk dan sakit sewaktu kencing. |
| Fasal 4 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Beberapa Alamat yang Lain Daripada Nadi dan Qarurah” • Fasal ini menerangkan tentang tanda-tanda penyakit yang boleh dikesan selain daripada Nadi dan Qarurah. |
| Fasal 5 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Barang yang Manfa’atkan bagi Tiap-tiap Khilt daripada Akhlat yang Empat dan Pada Pecahar dan Barang yang Bergantung Dengan Dia”. • Fasal ini menerangkan tentang bahan yang boleh meredakan kesan daripada setiap khalat dan akhlat (4 cecair) iaitu : <ol style="list-style-type: none"> 1. Ubat bersifat sejuk basah 2. Ubat bersifat panas kering 3. Ubat bersifat panas basah 4. Ubat bersifat sejuk kering |
| Fasal 6 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Segala Barang yang Datang Atas Badan daripada Ubat dan Lainnya dan Pada Segala Pangkat Ubat” • Fasal ini menerangkan tentang jenis tingkatan bahan antaranya adalah : <ol style="list-style-type: none"> 1. Ubat yang pertengahan 2. Ubat yang mengubah 3. Ubat semata-mata 4. Ubat yang mengandungi racun 5. Ubat yang sememangnya racun • Fasal ini menerangkan tentang tingkatan ubatan melalui 4 tingkatan iaitu: |

| | |
|----------|--|
| | <ol style="list-style-type: none"> 1. Martabat pertama 2. Martabat kedua 3. Martabat ketiga 4. Martabat keempat |
| Fasal 7 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Beberapa yang Datang Atas Badan daripada Ubat Tiada bagi Tabib daripada Mengetahuinya” • Fasal ini menerangkan tentang sesuatu perkara penting yang perlu diketahui oleh seorang perawat iaitu : <ol style="list-style-type: none"> 1. Pesakit yang perlu mandi dengan menjirus atau melalui kaedah meminum haruslah air tersebut dalam keadaan suam. 2. Apabila merawat kesakitan berkaitan dengan otot atau bersifat panas maka untuk menghilangkan sakit perlulah menggunakan bahan berunsurkan sejuk. 3. Setiap ubat yang memecahkan atau menguraikan penyakit itu haruslah dari bahan yang berunsurkan panas seperti merawat bisul. 4. Apabila ingin menahan sesuatu ubatan daripada dimuntahkan, perlulah meminum air sejuk 5. Cara ubat memanaskan badan perlu lah dalam keadaan suam seperti bertungku. |
| Fasal 8 | <ul style="list-style-type: none"> • Pada Beberapa Penyakit yang Pada Anggota Kepala” • Fasal ini menerangkan tentang penyakit yang berada pada anggota kepala. • Fasal ini berkongsi tips cara mengelak daripada penyakit lupa, kerap bermimpi yang menakutkan, masalah keguguran rambut dan mencegah rambut beruban. |
| Fasal 9 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Beberapa Penyakit yang Pada Muka dan Bhagian Hampirnya” • Fasal ini menerangkan tentang penyakit yang berada pada muka dan bahagian berhampirannya iaitu wajah, hidung, mata, telinga, lidah, gigi dan gusi. |
| Fasal 10 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Beberapa Penyakit yang Pada Dada dan Perut” • Fasal ini menerangkan tentang penyakit yang berada pada bahagian dada dan perut seperti batuk, sesak nafas dan senak perut. • Penyakit seperti batuk di klasifikasikan dengan pelbagai jenis batuk dan lingkungan usia seperti batu kering, batuk basah yang di hadapi oleh orang dewasa arau kanak-kanak. • Penawar serta ubat bagi penyakit perut seperti memulas, cacing dan lain-lain turut diterangkan di dalam fasal ini. |
| Fasal 11 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Beberapa Penyakit Dua Alat Kemaluan dan Ari-ari dan Rahim dan Barang yang Bergantung dengan Demikian Itu” • Fasal ini menerangkan tentang beberapa penyakit yang berada di kawasan alat kemaluan, ari-ari, rahim dan seluruh kawasan yang berada di sekitarnya. • Antara penyakitnya adalah bengkak buah zakar, sakit pangkal rahim dan lain-lain. • Fasal ini juga menerangkan tentang kaedah mengeluarkan uri atau bayi yang mati semasa di dalam kandungan ibu dan cara bagi memudahkan melahirkan anak. |
| Fasal 12 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Beberapa Penyakit yang Beberapa Anggota yang Tinggal daripada Pinggang dan Peha hingga Hujung Kaki” • Fasal ini menerangkan tentang beberapa penyakit yang berada di antara anggota pinggang sehingga hujung kaki. • Antara penyakit yang disebutkan dalam fasal ini adalah sakit di kawasan sendi lutut dan sakit di bahagian punggung. • Fasal ini juga menerangkan punca atau sangkutan setiap penyakit itu berkait rapat dengan anggota yang lain seperti penyakit pada sendi buku kaki berkait rapat dengan masalah penyakit yang berlaku di bahagian tengkuk. |


| | |
|----------|---|
| Fasal 13 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Beberapa Penyakit yang Tiada Tertentu Dengan Suatu Anggota” • Fasal ini menerangkan tentang beberapa penyakit yang tiada ketetapan tempat atau keadaan bermaksud segala penyakit yang boleh berada di mana-mana anggota badan. • Sebagai contoh penyakit angin boleh berada di mana-mana bahagian badan dan penyakit stok boleh terkena di mana-mana bahagian badan. |
| Fasal 14 | <ul style="list-style-type: none"> • “Pada Mengubati Beberapa Kesihatan yang Bercerai-berai” • Fasal ini menerangkan tentang penyakit yang menyebabkan sesuatu perkara itu terpisah atau bercerai-berai/ • Penyakit yang dimaksudkan seperti luka akibat kecelakaan sehingga menyebabkan kulit terpisah dengan isi atau kulit melecur akibat terkena sesuatu yang panas. • Kesan dan akibat terkena bisa atau racun samada daripada haiwan atau lain-lain turut diberikan kaedah penyelesaian di dalam fasal ini. |

Jadual 1 : 14 Fasal Kitab *Ṭayyib al-Iḥsān fī Ṭibb al-insān*

Melalui jadual ini dapat disimpulkan bahawa terdapat 14 fasal yang dinyatakan didalam kitab ini adalah berkaitan dengan penyakit tradisional dan penawar bagi merawat penyakit tersebut. Masalah sakit perut, sembelit, kembung perut dan senggugut antara penyakit yang dinyatakan didalam kitab dengan cara mengubatnya. Penyakit yang berada dikepala sehingga kaki sama ada penyakit luaran mahupun dalaman turut dibahaskan didalam fasal ini.

Syeikh Ahmad al-Fatani pada akhir penulisan fasal ke 14, beliau turut memberikan beberapa saranan dan nasihat yang wajib diamalkan oleh setiap insan iaitu pada bahagian “Ini Suatu Khatimah Pada Beberapa Perkara Yang Diamati-amati Yang Wajib Diamalkan Dengan Dia Pada Syara’ atau Pada Ṭibb dan Kembali Kepada Syara’ Jua”. Nasihat dan saranan yang diberikan adalah seperti pengambilan makanan yang betul merangkumi pengamalan gaya hidup seharian yang sihat agar diri tidak mengalami pelbagai jenis penyakit.

ANALISIS ASPEK ROHANIAH KITAB *ṬAYYIB AL-IḤSĀN FĪ ṬIBB AL-INSĀN* KARYA SYEIKH AHMAD AL-FATANI



Rajah 1 : 11 Elemen Rohaniah

Kajian ini merupakan kajian filologi dan menjadikan analisis dokumen sebagai sandaran utama kemudian dikeluarkan unsur rohani melalui elemen yang terdapat didalam kitab ini. Terdapat 11 elemen rohaniah yang diperolehi oleh pengkaji melalui penelitian dan semakan bersama serta disahkan oleh tiga pakar manuskrip iaitu pensyarah kanan universiti, pegawai manuskrip dan munsyi muda bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka. Setiap aspek yang diperolehi berdasarkan kalimah serta pendekatan yang digunakan dalam kaedah perawatan dan kaedah penulisan. Penulis melakukan ringkasan dengan memaparkan potongan teks yang mengandungi aspek rohaniah serta keterangan bagi memberikan kefahaman kepada setiap pembaca seperti jadual di bawah :

| Bil. | Aspek Rohaniah | Keterangan |
|------|--|--|
| 1. | (Dan) Berkata sesetengah hukamā', tiga perkara tiada sayugia bagi orang yang ber'aqal meninggalkan dia: <i>Pertama, 'ilmu yang baginya akhiratnya;</i> (Wan Ahmad, <i>Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān</i>) | <ul style="list-style-type: none"> • Ilmu merupakan perkara yang bernilai di dunia sehingga ke akhirat. • Penyebutan akhirat merupakan salah satu aspek rohaniah kerana perkara akhirat tidak boleh dicapai melainkan beribadah kepada Allah SWT. • Perubatan Melayu islam antara asasnya merupakan doa dan zikir di samping pengharapan/ kebergantungan kepada Allah SWT kerana konteks asalnya kesembuhan dengan keizinan Allah SWT dan ubatan sebagai asbab. • Firman Allah SWT: "<i>Dan perumpamaan-perumpamaan ini Kami buat untuk manusia; dan tiada yang memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu</i>". (al-'Ankabut: 43). • Hadis Nabi S.A.W: "<i>Siapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan mudahkan baginya jalan menuju syurga.</i>" (Hadis. Muslim, no. 2699). |
| 2. | <i>Yang jadi cedera itu daripada cedera makanan dan minuman atau barang yang diisti'malkan (digunakan) pada nur badan;</i> (Wan Ahmad, <i>Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān</i>) | <ul style="list-style-type: none"> • 'Nur badan' • Cahaya badan atau aura badan. • Aura badan merupakan kewujudan suatu lingkaran tenaga dalam atau energidi sekeliling badan manusia yang tidak dapat dilihat pada mata kasar iaitu antara minda dan badan melalui elektro saraf dan mental (Blavastky, 1892). • Aura hanyalah sekadar suatu fenomena alam yang wujud pada suatu dimensi tertentu. |
| 3. | <i>'Umurnya dan adatnya dan makanannya yang dahulu daripada mengubati dan quwwah tabiatnya dan menguwwatkan demikian itu oleh barang yang mashur daripada bahawasa segala hantaran yang pada langit itu ada baginya permasukan pada segala ubahan yang pada bumi dengan berlaku adat ketuhanan'</i> (Wan Ahmad, <i>Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān</i>) | <ul style="list-style-type: none"> • 'Adat ketuhanan' • Penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah Swt. • Kebergantungan segala penyembuhan penyakit daripada Allah semata-mata. • Firman Allah SWT: (<i>Kiranya kamu tetap berdegil sekarang) Maka kamu sudah tentu akan mengetahui kebenaran apa yang aku katakan kepada kamu; dan aku sentiasa menyerahkan urusanku bulat-bulat kepada Allah (untuk memeliharaaku); sesungguhnya Allah Maha Melihat akan keadaan hamba-hambaNya</i>" (Ghafir: 44) |

| | | |
|-----------|---|---|
| <p>4.</p> | <p><i>(Bermula) Ini beberapa ubat yang menegahkan segala mimpi yang jahat: Apabila ditaruhkan shab yamani (alum-sejenis ubatan) (Akhtar Ali et al., 2017). di bawah bantal tiada terkejut oleh yang tidur di atasnya.</i></p> <p><i>(Wan Ahmad, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān)</i></p> | <ul style="list-style-type: none"> • ‘Mimpi yang jahat’ • <i>(Ru’ya at Tahzin Min Asy Syaitan)</i> • Mimpi buruk yang datang daripada syaitan sehingga menyebabkan ketakutan, sedih dan kegelisahan. • Diriwatikan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: <p><i>“Menjelang akhir zaman, hampir tidak ada mimpi yang dilihat Muslim tidak akan menjadi kenyataan. Orang yang mimpinya paling jujur adalah orang yang ucapannya paling jujur. Mimpi Muslim merupakan salah satu dari empat puluh lima bahagian Nubuwwat (kenabian). Mimpi ada tiga jenis: mimpi baik yang merupakan khabar baik dari Allah; mimpi yang menyebabkan kesusahan, yang datang dari Syaitan; dan mimpi tentang hal-hal yang sedang dipikirkan seseorang” (Hadis. Muslim, No. 2263)</i></p> |
| <p>5.</p> | <p><i>(Dan) Air liur orang yang puasa apabila dicelakkan dengan mata yang sakit manfaatkan dia sebagai manfaat yang ajibah (mujarab) daripada Sayyidi Muhyi al-Din ibn al-Arabi, mujarab sahih Intaha.</i></p> <p><i>(Wan Ahmad, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān)</i></p> | <ul style="list-style-type: none"> • ‘Air liur orang yang berpuasa’ • Air liur orang berpuasa membawa maksud penggunaan air liur sebagai salah satu elemen penyembuhan keatas keberkatan amalan berpuasa ke atasnya. • Hadis Sahih al-Bukhari yang bermaksud: <p><i>“Dengan nama Allah, (inilah) Tanah bumi kami, dengan air liur sebahagian daripada kami(dengannya)menyembuhkan sakit kami, dengan izin Tuhan Kami”.</i> (Hadis. Bukhari, no. 5413).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Orang yang berpuasa termasuk dalam salah satu daripada tiga golongan yang tidak ditolak doanya. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda: <p><i>“Tiga golongan doa mereka tidak akan ditolak: Pemimpin yang adil, orang yang berpuasa sehingga ia berbuka dan doa orang yang dizalimi.” (Hadis. Ibn Majah, No. 1752)</i></p> |
| <p>6.</p> | <p><i>Bahawasa lemak kencing, barang siapa bercelak mata dengan dia nescaya melihat ia akan jin dan jika bertanya ia akan jin itu menjawab mereka itu akan dia. Intaha, Qalyubi (seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Al-Qalyubi)(2001).</i></p> <p><i>(Wan Ahmad, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān)</i></p> | <ul style="list-style-type: none"> • ‘Jin’ • Jin merupakan makhluk ghaib yang tidak dapat dilihat menggunakan mata kasar • Maksudnya: <i>“...Sesungguhnya Syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka...” (al-‘Araf: 27)</i> |

| | | |
|-----|--|--|
| 7. | <p>(Dan) Telah mujarrab bagi demikian itu pula dan jika kemudian daripada bergerak sekalian gigi sekalipun bahawa direbuskan sanamaki dibubuh padanya sedikit cuka dan di minum di dalam satu Juma'at dua kali atau lima hari sekali minum jika ada ia da 'if.</p> <p>(Wan Ahmad, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • 'Di minum di dalam satu Juma'at dua kali atau lima hari sekali' • Jumaat merupakan penghulu segala hari dan pelbagai kelebihan dan keistimewaan yang diberikan oleh Allah keatas keberkatan hari jumaat • "Pada hari Jumaat juga kiamat akan berlaku. Pada hari itu tidaklah seorang yang beriman meminta sesuatu daripada Allah melainkan akan dikabulkan permintaannya." (Hadis. Muslim, no. 854) |
| 8. | <p>(Dan) Penyakit umm al-sibyan, iaitu penyakit sawan yang mengenai ia akan budak-budak. Iaitu penyakit tertahan bernafas dan sejuk segala kaki dan tangannya dan berubah warnanya dan bergerak-gerak segala anggotanya dantiada gerak antara sawan dan antara sar 'i,aitu gila babi, melainkan dengan ketiadaan berbuih mulut.</p> <p>(Wan Ahmad, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • 'Umm al-sibyan" • Ummu Sibyan ialah jin betina yang suka mengganggu kanak-kanak di bawah umur dua tahun dan ibu-ibu mengandung. • Dari sahabat Jabir radhiallahu'anhu, bahwa Nabi Shallallahu'alaihi Wasallam bersabda: <p>"Jika malam datang menjelang, atau kalian berada menjelang maghrib maka tahanlah anak-anak kalian (di rumah), kerana ketika itu syaitan sedang bertebaran. Jika telah berlalu sesaat dari waktu malam, maka biarkan mereka (jika ingin keluar). Tutuplah pintu dan berzikirlah kepada Allah, kerana sesungguhnya syaitan tidak dapat membuka pintu yang tertutup. Tutup pula bekas minuman dan makanan kalian walau sekadar dengan meletakkan sesuatu di atasnya dan matikanlah lampu-lampu kalian" (Hadis. Bukhari, no. 3280; Muslim, no. 2012).</p> |
| 9. | <p>(Dan) Setengah daripada barang yang dikhabarkan hamba bahawasanya dibungkuskan tahi tiram dan inggu (sejenis herba dari getah pokok) di dalam perca kain yang biru dan diikat dengan tali yang biru pada tangan kanan budak dan kaki kirinya atau 'akas-nya dikatakan bahawasanya menahankan penyakit sawan.</p> <p>(Wan Ahmad, Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • 'Perca kain yang biru' • Kain warna biru digunakan sebagai bahan balutan anggota dirawat. • Pemilihan warna alami seperti biru atau hijau sememangnya digunakan di hospital atau pihak medis dalam perawatan • Surgical scrub • Berdasarkan artikel Scienceline.org, warna hijau atau biru digunakan sebagai uniform bagi melegakan mata para doktor bedah melihat selepas mata mereka tertumpu ke warna merah didalam pembedahan. |
| 10. | <p>(Dan) Seseengah daripada beberapa khasiyat bahawa engkau pergi pada malam kepada qubur orang mati dibunuh, maka diambil daripadanya dengan tangan kiri segenggam tanah padahal engkau diam jangan berkata-kata dan jangan berpaling hingga sampai kepada jalan cabang tiga, maka diambil daripadanya dengan tangan kanan segenggam tanah pula dan dicampurkan keduanya dan beri minum daripadanya akan orang yang</p> | <ul style="list-style-type: none"> • 'Tanah kubur orang mati dibunuh' • Tanah merupakan sumber asli alam yang bersih dan suci seperti mana kita menggunakan tanah sebagai bahan untuk samak • Surah Mukminun ayat 12: "Dan Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada pati (yang berasal) daripada tanah" • Surah al-Hijr ayat 26: "Dan Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) |

| | | |
|------------|---|---|
| | <p>demam itu dan didruskan pada kelilingannya dan ungkukan dia dan jangan berkata-kata engkau hingga sempurna pekerjaan. Maka bahawasanya hilang demam itu.</p> <p>(Wan Ahmad, <i>Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān</i>)</p> | <p>dari tanah liat yang kering, Yang berasal daripada tanah kental yang berubah warna dan baunya”</p> |
| <p>11.</p> | <p>Dan telah selesai daripada taswidnya (penulisan) pada waktu duha hari Ithnayn 3 hari bulan Dhi'l Hijjah al-Mubarakah pada tahun seribu tiga ratus dua belas Hijrah ...</p> <p>(Wan Ahmad, <i>Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān</i>)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • ‘Waktu Dhuha” • Terdapat banyak kelebihan yang diberikan oleh Allah Swt semasa waktu dhuha. • Antara kelebihan solat Dhuha yang lain adalah dua rakaat solat Dhuha menyamai kita telah melaksanakan sedekah terhadap 360 sendi di dalam badan kita. Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim: • Daripada Abi Zar RA, bahawa Nabi SAW bersabda: <p>Maksudnya: “Pada pagi hari, setiap sendi salah seorang daripada kamu memerlukan kepada sedekah. Maka setiap tasbih (subhanallah) itu adalah sedekah, setiap tahmid (alhamdulillah) itu adalah sedekah, setiap takbir (allahuakbar) itu adalah sedekah, menyuruh berbuat perkara yang baik adalah sedekah, melarang daripada perkara yang mungkar adalah sedekah. Dan semua itu cukup (bersedekah kepada semua sendi itu) dengan dua rakaat yang telah didirikan oleh seseorang itu daripada solat Dhuha.” (Hadis. Muslim, no. 720)</p> |

Jadual 2: Penerangan Aspek Rohaniah Kitab *Ṭayyib Al-Iḥsān Fī Ṭibb Al-Insān*

Aspek rohaniah merupakan sesuatu perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar namun ianya berkait rapat dengan unsur spiritual yang merangkumi amalan seharian yang mampu memberi kesan kepada jiwa. Setiap aspek rohaniah mempunyai kesesuaian tersendiri melalui konteks elemen yang diketengahkan bagi mencapai tujuan utama dalam pelaksanaannya. Namun begitu, setiap elemen perlulah mengikut pensyariaan agar tidak membawa kepada penyesatan dan kemudaratan. Sebelas elemen yang dinyatakan didalam kitab *Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān* ini sememangnya mempunyai hujah dan dalil yang jelas melalui al-Quran dan hadis. Walau bagaimanapun, pendekatan tajribah turut diketengahkan sebagai sandaran bagi beberapa kaedah rawatan yang dinyatakan (Mohd Anuar Mamat, 2017).

KESIMPULAN

Pengkaji membuat kesimpulan terdapat sebelas elemen rohaniah didalam kitab ini. Setiap elemen ini mempunyai penjelasan dan keterangan yang khusus bagi pelaksanaannya. Secara asasnya, kajian ini menyimpulkan beberapa perkara, pertama ; tabib dinasihatkan menyerahkan segala kesembuhan kepada Allah SWT sepenuhnya melalui konteks usaha sebagai ikhtiar dan kebergantungan kepada Allah sebagai asas utama penyembuhan. Kedua; penulis kitab ini meletakkan waktu khusus dalam menyelesaikan penulisan kitab ini sebagai *tabarruk* dalam mencari keberkatan penulisan ilmiah. Ketiga; kearifan tempatan dalam perubatan orang Melayu lama atau dikenali sebagai *tajribah* merupakan salah satu elemen yang sering di gunakan dalam merawat penyakit.

Proses pengobatan atau perawatan itu sendiri bukan sahaja melibatkan proses penyembuhan luaran atau boleh dilihat sahaja. Penyembuhan dari dalam atau rohaniah juga sama penting dalam menyembuhkan penyakit. Kepercayaan yang kuat bahawa Allah yang menyembuhkan segala penyakit selepas segala ikhtiar yang dilakukan mampu memberikan ketenangan rohani kepada individu. Kitab ini mengetengahkan aspek-aspek rohaniah bagi menjalin rapat hubungan antara setiap elemen rohaniah dalam ilmu perubatan.

Penulis berharap kajian lanjutan yang lebih mendalam terhadap kaedah perubatan Melayu yang dikaitkan dengan pensyariatan di jalankan mengikut justifikasi al-Quran dan sunnah. Kajian lanjutan terhadap bahan-bahan yang digunakan juga perlu dilakukan agar segala bahan yang diguna pakai bebas daripada unsur syirik, najis dan perkara yang boleh berlakunya percanggahan terhadap al-Quran dan Sunnah.

RUJUKAN

Buku

- Ahmad ibn Ahmad. (2001). *Tadkhirat al-Qalyubi fi al-Ṭibb Wa-al-Hikmah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Gimlette, J.,D. (2023). *Perdukunan Melayu. (2nd ed)*. IBDE Ilham Sdn Bhd.
- H. P Blavatsky. (1892). *Nightmare Tales*. London: Theosophical Publishing Society.
- Mohd Affendi Mohd Shafri. (2018). *Kitab perubatan Melayu Ṭayyib al-Iḥsān fi ṭibb al-insān. (2nd ed)*. Akademi Jawi Malaysia dengan kerjasama Khazanah Fataniyah.
- Wan Mohd Saghir. (1991). *Konsep Pemikiran Shaykh Almad al-Fatānī Berdasarkan Teks Taiyibul Ihsan bil Insan. Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jurnal

- Ahmad Faisal Abdul Hamid & Helwana Mohammad. (2008). Anotasi Kitab Ṭayyib al-Iḥsān Fī Ṭibb al-Insān. *Journal of Tamaddun* 3(1), 110-127.
- Akhtar Ali, Hamiduddin & Mohammad Zaigham. (2017). Shubb-E-Yamani (Alum) a Unique Drug and Its Utilization in Unani Medicine: A Physicochemical and Pharmacological Review. *International Journal of Research in Ayurveda and Pharmacy*, 8(2), 17-22.
- Fairuzah Mat Salleh, Zilal Saari, Nur Najwa Hanani Abdul Rahman & Norhissam Mustafa. (2019). Perspektif Syaikh Ahmad Al-Fatani Kaedah Mengenalpasti Penyakit: Analisis Awal Terhadap Kitab Ṭayyib al-Iḥsān fi Ṭibb al-insān. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 2(2), 111-122.
- Helwana Mohammad & Faisal @ Ahmad Faizal Abd Hamid. (2018). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani – Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Ṭayyib al-Iḥsān fi Ṭibb al-insān Karya Syaikh Ahmad al-Fatani. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1), 110-127
- Jamaluddin Hashim, Abdul Karim Ali, Hasanulddin. (2014). Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan Dalam Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Karya Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri. Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 7(1), 1-25.
- Mohd Anuar mamat. (2017). Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 61-83.
- Muhammad Shafiq Mohd Ali, Ahmad Bazri Mokhtar & Ros Mahwati Ahmad Zakaria. (2020). Ilmu Etnosains Dalam Manuskrip Alam Melayu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 33(Isu khas), 43-50.
- Siti Nurul Izza Hashim, Roziah Sidik & Izziah Suryani Mat Resad. (2021). Tulisan Jawi Pelapor Keilmuan Di Alam Melayu: Satu Kajian Awal. *MANU* 32(2), 19-34.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah & Siti Radziah Mustafa. (2014). Manuskrip Ilmu Bedil Sebagai Sumber Etnosejarah Teknologi Senjata Api Melayu. *Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia* 21(1), 53-71.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.